

07 FEB 1997

GEJALA SOSIAL DI KELANTAN PENINGGALAN KERAJAAN BN, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 7 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini berkata Kelantan menghadapi masalah sosial yang tinggi berbanding dengan negeri lain kerana ia hasil peninggalan kerajaan Barisan Nasional (BN) ketika memerintah negeri itu.

"Kami cuma memerintah enam tahun saja sedangkan BN selama 12 tahun iaitu sejak 1978," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Kelantan merupakan negeri yang terbanyak sekali mengalami masalah sosial termasuk HIV, AIDS, dadah dan sebagainya yang melibatkan orang Islam di negara ini.

Nik Aziz berkata peningkatan gejala sosial di kalangan remaja di negeri itu juga berpunca daripada peranan media massa termasuk televisyen yang sering memaparkan pelbagai budaya negatif.

Beliau berkata kerajaan negeri telah melaksanakan pelbagai cara termasuk melarang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

Bagaimanapun katanya usaha berkenaan tidak mencukupi sekiranya media massa terus memaparkan pelbagai budaya negatif manakala kerajaan pusat pula membiarkan Kelantan berusaha mengatasi masalah sosial yang kritikal itu secara bersendirian. --BERNAMA

WM MAI